

06/08/2005

MAHATHIR-AP

MAHATHIR SAMBUT BAIK LANGKAH K'JAAN UMUM DASAR AUTO BARU

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata langkah kerajaan untuk mengumumkan dasar automotif baru dan Permit Import (AP) adalah sesuatu yang baik.

Menjawab pertanyaan pemberita di sini hari ini mengenai pengumuman senarai AP bulan lepas, katanya: "Saya fikir kita tidak harus ambil pusing tentang perkara itu lagi. Yang paling penting sekarang ialah dasar mengenai AP dan dasar industri automotif."

Dr Mahathir yang juga penasihat Proton itu berkata demikian selepas menerima Anugerah Jubli Emas Sains dan Teknologi 2005 daripada Persatuan Sains Malaysia (MSA) bersempena dengan Kongres Sains Antarabangsa (ISC) 2005.

Anugerah yang mengiktiraf sumbangan beliau kepada pembangunan sains negara itu disampaikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Jamaludin Mohd Jarjis.

Ditanya sama ada beliau akan terus mendesak supaya dikeluarkan senarai AP 2003, Dr Mahathir berkata terserah kepada kerajaan untuk memutuskannya.

"Saya tidak lagi dalam kerajaan. Saya beritahu diri saya sendiri supaya jangan susahkan kerajaan," katanya.

Katanya beliau meminta senarai 2004 semata-mata kerana beliau adalah penasihat Proton.

Dr Mahathir berkata beliau melihat Proton menghadapi kesukaran bukan hanya berkaitan dengan bilangan AP tetapi juga harga kenderaan yang ditetapkan yang begitu rendah.

"Malah kos bahan mentah hampir satu setengah lebih rendah daripada harga yang diisytiharkan," kata beliau.

Semasa ditanya sama ada terdapat kesanggupan politik oleh kerajaan bagi memastikan survival Proton, Dr Mahathir berkata: "Saya pasti kerajaan mahu ia terus hidup dan saya tidak rasa kerajaan maju membunuh industri Proton."

Dr Mahathir berkata kerajaan menerokai perniagaan kereta pada masa yang tepat dengan hanya "500 juta dolar".

"Hari ini, jika anda mahu memasuki industri ini, anda memerlukan kira-kira RM3 bilion dan sebanyak itu pun anda tidak mampu membuat banyak kemajuan," kata beliau.

Ditanya mengenai tekanan yang dihadapi oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz supaya menjelaskan mengenai isu senarai AP, Dr Mahathir menjawab: "Itu bukan urusan saya. Saya hanya berminat terhadap Proton. Itu bukan lagi Kabinet saya". -- BERNAMA

TNS SD OS/NHD